



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 41 (08 OKTOBER – 14 OKTOBER 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,271 kes berbanding 2,436 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 165 kes (6.8%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-41 adalah sebanyak 94,181 kes berbanding 46,495 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 47,686 (102.6%). Manakala sejumlah 67 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 28 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ini adalah 79 lokaliti berbanding 70 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 79 lokaliti yang dilaporkan, 57 lokaliti di Selangor, 11 lokaliti di WPKL & Putrajaya, lima (5) lokaliti di Perak, masing-masing dua (2) lokaliti di Negeri Sembilan dan Sarawak serta satu (1) lokaliti di Pahang dan Kelantan.


Bagi surveilan chikungunya, satu (1) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-41. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 176

kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 2,741 sampel darah dan 271 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Laman sesawang iDengue (<https://idengue.mysa.gov.my>) merupakan platform digital perkongsian maklumat mengenai demam denggi secara tepat dan terkini kepada orang awam. Melalui laman ini, orang awam boleh mendapatkan maklumat kes demam denggi harian, lokasi wabak, hotspot, COMBI, lokaliti pelaksanaan operasi nyamuk *Aedes* berWolbachia serta pelbagai maklumat terkini berkaitan demam denggi. Ia juga merupakan platform perkongsian maklumat mengenai denggi kepada komuniti bagi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi secara sendiri. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
20 Oktober 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-41 ke-40 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-41), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2023